

# HUBUNGAN ETNIK DI MALAYSIA

**EDISI  
KEEMPAT**

Zaid Ahmad  
Ruslan Zainuddin  
Sajit Singh Gill  
Ahmad Farnizi Talib  
Ho Hui Ling  
Lee Yok Fee  
Najeemah Mohd Yusof  
Nazri Muslim

## Hubungan etnik di Malaysia

### ABSTRAK

Buku Hubungan Etnik di Malaysia Edisi Keempat ini telah disemak dan disusun semula selaras dengan keperluan kurikulum dan garis panduan kursus Hubungan Etnik di IPTA. Beberapa bahagian dalam buku edisi baharu ini telah dikemas kini, ditulis semula dan diubah suai mengikut perkembangan dan keperluan semasa. Secara amnya buku ini menyentuh pelbagai isu terkini berkaitan dengan hubungan etnik khususnya dari segi politik, ekonomi, sosial dan budaya. Penyusunan bab-bab serta kandungan buku ini dibuat dengan mengambil kira keperluan dan kepentingannya dalam konteks pembinaan negara dan jalinan hubungan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Keseluruhan kandungan buku ini mengandungi sepuluh bab, iaitu Pengenalan Hubungan Etnik di Malaysia secara Umum; Konsep Asas Hubungan Etnik; Latar Belakang Pluraliti Masyarakat Alam Melayu; Perlembagaan Malaysia dan Hubungan Etnik; Pembangunan Ekonomi dan Hubungan Etnik: Pemodenan dan Proses Pembangunan Negara; Politik dan Hubungan Etnik: Ke Arah Pembentukan Satu Malaysia; Pendidikan dan Hubungan Etnik; Agama dan Hubungan Etnik di Malaysia; Budaya dan Hubungan Etnik di Malaysia; serta Hubungan Etnik, Integrasi dan Cabaran. Kesemua bab telah dikemas kini dan ditambah baik hasil maklum balas yang diterima oleh para penulis. Buku ini ditulis oleh para ahli akademik yang cukup berpengalaman dalam bidang masing-masing dan dipersembahkan dalam bentuk nota yang mudah dan padat bagi membantu para pelajar mengikuti kursus Hubungan Etnik. Buku ini juga sesuai dibaca oleh masyarakat awam yang ingin mengetahui latar belakang masyarakat dan pembinaan negara Malaysia.

**Katakunci:** Hubungan etnik; Masyarakat berbilang kaum; Politik; Ekonomi; Sosial Budaya; Malaysia